

Manual Pengguna Sistem Semakan Kes JPA-AGC (EKes) versi 1.1



Pengenalan eKes

Sistem Rujukan Kes JPA-AGC (eKes) merupakan satu platform perkongsian maklumat pintar menggunakan model komunikasi 2 hala di antara Bahagian Pembangunan, Modal Insan (BMI), JPA dengan Jabatan Peguam Negara (AGC). Ia dibangunkan berasaskan aplikasi web yang mudah dicapai bukan saja menggunakan PC atau laptop tetapi menggunakan peranti mudah alih seperti tablet dan telefon pintar (smartphone).


eKes memudahkan kedua-dua agensi kerana segala maklumat yang diperlukan mengenai sesuatu kes seperti maklumat peribadi, maklumat penajaan, maklumat lejer, maklumat kes dan maklumat peguam/pegawai yang bertanggungjawab dapat dicapai secara *real time online*. Semua proses manual sebelum ini seperti membuat cetakan dokumen, carian fail, penghantaran dokumen dapat dikurangkan.

Sila pastikan pelayar web (web browser) versi terkini sebelum melayari eKes.

- Internet Explorer 6.0+
- Mozilla Firefox 3.6+
- Safari 5.0+
- Chrome


Langkah-Langkah Pengoperasian

1. Buka pelayar web (web browser) dan taip URL http://esilav2.jpa.gov.my/online_progs/ekes pada medan URL di pelayar web tersebut dan tekan “Enter”. Halaman utama eKes sebagaimana **Rajah 1** di bawah akan dipaparkan.




Rajah 1

2. Klik “Log Masuk” pada pepenjuru atas sebelah kanan untuk memaparkan panel pengguna. Paparan panel pengguna seperti **Rajah 2** di bawah akan tertera.



Rajah 2

3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan sah yang telah diberi oleh pihak JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) dan klik log masuk. Lihat **Rajah 3**.



Rajah 3

4. Sebaik sahaja log masuk berjaya, paparan berikut akan tertera seperti Rajah 4. Pengguna boleh memasukkan nombor kad pengenalan penama yang telah dirujuk oleh pihak JPA dan klik “Hantar”.



The screenshot shows a search bar with the text "Carian nombor kad pengenalan:" followed by an input field containing the number "790126115233" and a "Hantar" button. The user's name "ADAM MALIK BIN SAHAR" and a "Buka Panel" link are visible in the top right corner.


Rajah 4

5. Bagi pegawai AGC, sekiranya tiada kes yang dirujuk ke AGC, paparan seperti **Rajah 5** akan tertera.



Rajah 5

6. Bagi pegawai JPA, sekiranya kes belum dirujuk ke AGC, paparan seperti **Rajah 5** akan ditunjukkan.



The screenshot shows a user profile for "ADAM MALIK BIN SAHAR". At the top, there is a search bar with the number "760722125617" and a "Hantar" button. Below the name, a red-bordered box contains the message: "STATUS SILA: FAIL PELAJAR INI TIDAK DIHANTAR KE AGC". A table of details follows:

Institusi	:	
Jenis Tajaan	:	
Peringkat	:	
Jumlah Tuntutan	:	RM 0.00
Baki Tuntutan	:	RM 0.00
Tarikh Bayaran Akhir	:	-
Jumlah Bayaran Akhir	:	RM 0.00

Rajah 4

Rajah 5

7. Sekiranya carian nombor kad pengenalan berjaya, paparan seperti **Rajah 6** akan ditunjukkan.

AZLAN B ABU BAKAR

STATUS SILA: FAIL PELAJAR INI TELAH DIHANTAR KE AGC

Institusi	: KAGOSHIMA UNIVERSITY, JAPAN	Tarikh Mula Taja	: 26/03/1999
Jenis Tajaan	: BIASISWA	Tarikh Tamat Taja	: 31/03/2003
Peringkat	: IJAZAH	Tarikh Bayaran Akhir	: -
Jumlah Tuntutan	: RM 100,000.00	Jumlah Bayaran Akhir	: RM 0.00
Baki Tuntutan	: RM 100,000.00		
No Fail AGC	: -	Tarikh Surat JPA	: 03/05/2013
Status	: KES BARU (26/11/2012)		

Maklumat Pelajar Lejer Pelajar iVFS Rujukan Kronologi Kes Kemaskini Status

Maklumat Peribadi

Nama: AZLAN B ABU BAKAR
Alamat: 4823 KAMPUNG JERAM MANIR
21200 K. TERENGGANU
Negeri: TERENGGANU
Tel: 096154512
Tel Office: -

Maklumat Perhubungan AGC

Alamat:

Poskod & Daerah:
Negeri: --SILA PILIH--
Tel:
Tel Office:

Kemaskini

Maklumat Penjamin 1

Nama:
No KP:
Alamat:

Rajah 6

8. Pengguna eKes boleh mengemaskini maklumat-maklumat seperti No. Fail AGC, Status dan Tarikh Surat JPA merupakan maklumat yang dikemaskini melalui eKes manakala maklumat lain dicapai daripada pangkalan data SILA (*back end system*). Terdapat 6 tab menu yang memaparkan maklumat berlainan seperti di **Rajah 7** iaitu:

Tab Menu	Keterangan
Maklumat Pelajar	Mengandungi maklumat peribadi penama seperti nama dan alamat, maklumat penjamin dan juga maklumat tambahan seperti maklumat perhubungan AGC yang boleh dikemaskini sekiranya penama mempunyai alamat selain daripada alamat yang dipaparkan.
Lejer Pelajar	Memaparkan ringkasan urusan debit/kredit penama.
iVFS (<i>internet virtual file system</i>)	Kemudahan untuk mencapai fail maya yang berkaitan dengan penama seperti surat tawaran, perjanjian, notis tuntutan dan sebagainya. Pengguna eKes boleh menyimpan atau mencetak terus fail maya yang dipaparkan dalam format PDF.
Rujukan	Mengandungi maklumat fail, maklumat pegawai JPA dan AGC yang bertanggungjawab terhadap kes penama. Maklumat-maklumat tersebut boleh dikemaskini oleh pengguna eKes.
Kronologi Kes	Merupakan status kes dan ulasan kes yang dimasukkan oleh pengguna eKes melalui tab menu "Kemaskini Status"
Kemaskini Status	Status kes dan ulasan kes dikemaskini melalui menu ini. Terdapat 8 status kes boleh dikemaskini iaitu Kes Baru, Notis Tuntutan, Saman, Penghakiman Ingkar, Penghakiman Persetujuan, Penyelesaian, Rayuan dan Fail Dihantar Ke UPP Putrajaya.

AZLAN B ABU BAKAR

Institusi	: KAGOSHIMA UNIVERSITY, JAPAN	Tarikh Mula Taja	: 26/03/1999
Jenis Tajaan	: BIASISWA	Tarikh Tamat Taja	: 31/03/2003
Peringkat	: IJAZAH	Tarikh Bayaran Akhir	: -
Jumlah Tuntutan	: RM 100,000.00	Jumlah Bayaran Akhir	: RM 0.00
Baki Tuntutan	: RM 100,000.00		

No Fail AGC : -	Tarikh Surat JPA : 03/05/2013
Status : KES BARU (26/11/2012)	

Maklumat Pelajar
Lejer Pelajar
iVFS
Rujukan
Kronologi Kes
Kemaskini Status

Rajah 7

9. Tab menu "Maklumat Pelajar". **Rajah 8.**

Maklumat Pelajar	Lejer Pelajar	iVFS	Rujukan	Kronologi Kes	Kemaskini Status
-------------------------	---------------	------	---------	---------------	------------------

Maklumat Peribadi

Nama: HAJI MOHAMMAD FARIDZA YAAKOB, DR
Alamat: POLIKLINIK FARID, NO.11 JLN.KEKWA 1
TMN.PUCHONG PERDANA
47100 PUCHONG
Negeri: SELANGOR
Tel: -
Tel Office: -

Maklumat Perhubungan AGC

Alamat:	<input type="text"/>
	<input type="text"/>
Poskod & Daerah	<input type="text"/> <input type="text"/>
Negeri	-- SILA PILIH --
Tel	<input type="text"/>
Tel Office	<input type="text"/>

Maklumat Perhubungan AGC dikemaskini oleh UPP Putrajaya.

Maklumat Penjamin 1

Nama: YAACOB BIN ALI
No KP: 3061264
Alamat: 37A KAMPONG SENALING
KUALA PILAH
N.SEMBILAN
Tel: -

Rajah 8

10. Tab menu “Lejer Pelajar”. Contoh di **Rajah 9** menunjukkan penama mempunyai jumlah tuntutan sebanyak RM 70,000.00 manakala baki tuntutan adalah sebanyak RM 63,300.00 setelah mengambil kira bayaran yang telah dilunaskan iaitu sebanyak RM6,700.00.

Maklumat Pelajar		Lejer Pelajar		ivFS	Rujukan	Kronologi Kes	Kemaskini Status
Peringkat	Tarikh Invois	Tarikh Baucar	Tarikh Kredit	Urusniaga		Debit (RM)	Kredit (RM)
IJAZAH		13/04/1996		TUNTUTAN GANTIRUGI - 11701 LETAK JAWATAN		70,000.00	0.00
	14/05/1996	23/05/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
		10/07/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
		31/07/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
	31/08/1996	03/09/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
	30/09/1996	15/10/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
	31/10/1996	13/11/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
	05/12/1996	13/12/1996		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002		0.00	500.00
	26/08/2002	16/09/2002		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 CAW SEA PARK, JLN 21/12, P.J., SEL		0.00	500.00
	05/11/2002	26/11/2002		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 JLN 21/12 PJ		0.00	500.00
	28/02/2003	05/03/2003		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 SELANGOR		0.00	300.00
	31/08/2003	04/09/2003		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 SEA PARK JLN 21/12 PJ		0.00	400.00
	30/09/2003	30/09/2003		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 SEA PARK JLN 21/12 PJ		0.00	400.00
	30/11/2003	01/12/2003		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 CAW SEA PARK, JLN 21/12, PJ		0.00	400.00
	31/12/2003	31/12/2003		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 SELANGOR		0.00	400.00
		03/08/2012		TERIMAAN GANTIRUGI - 21002 JPN		0.00	300.00
JUMLAH (RM)						70,000.00	6,700.00
							63,300.00

Rajah 9

11. Tab menu “iVFS” seperti di **Rajah 10** memaparkan senarai dokumen keluar / masuk di antara penama dan pihak JPA. Pengguna eKes boleh klik pada mana-mana senarai dan paparan dokumen dalam format PDF akan tertera seperti pada **Rajah 11**. Dokumen yang dipaparkan boleh disimpan atau terus dicetak.

Bil	Tarikh	Jenis	Perkara	M/S
1	20/11/1980	Keluar	Surat Penerimaan Tawaran Biasiswa Persekutuan	2
2	28/10/1981	Masuk	borang kedudukan penjamin	4
3	28/10/1981	Masuk	perjanjian	4
4	11/12/1981	Keluar	surat tawaran biasiswa persekutuan	2
5	07/07/1995	Masuk	pemberhentian perkhidmatan pegawai perubatan	1
6	13/04/1996	Keluar	Notis Tuntutan Gantirugi (A1	2
7	08/05/1996	Masuk	rayuan terhadap notis tuntutan gantirugi	1
8	27/06/1996	Keluar	rayuan notris tuntutan gantirugi	1
9	04/12/1996	Masuk	pembayaran terhadap notis tuntutan gantirugi	1

Rajah 10

esilav2.jpa.gov.my/online_progs/ekes/vfs.php?nokp=6086305&d=E&f=000B2&n=000D7728&t=tif - Google Chrome

esilav2.jpa.gov.my/online_progs/ekes/vfs.php?nokp=6086305&d=E&f=000B2&n=000D7728&t=tif

**AKSI 2, BLOK B, KOMPLEK JPA,
Level 2, Block B, Complex JPA,
JALAN TUN ISMAIL,
Tun Ismail Road,
50510 KUALA LUMPUR.**

Telex : MA 31581
Answerback FESTOFF MA 31581
No. Fax : 2940129
Fax No. : 2940130
2940131

Ruj. Tuan:
Your Ref:

Ruj. Kami: **JPA(L)6086305(7)**
Our Ref: **UKM**

Tarikh:
Date: **13 April 1996**

**Dr. Mohd Faridus Bin Yusoff,
37A, Kampung Senaling,
Kuala Pilah,
Negeri Sembilan.**

**Notis Tuntutan Gantirugi (A) Ke atas Pemegang
Basiswa/Dermasiswa Yang Melanggar Syarat
Perjanjian Biasiswa/Dermasiswa Persekutuan**

Adalah saya dengan hormatnya diarah untuk menarik perhatian tuan/puan kepada perkara di atas.

Rajah 11

12. Tab menu “Rujukan” seperti di **Rajah 12** memaparkan maklumat yang boleh dikemaskini oleh pengguna eKes. Maklumat pegawai JPA hanya boleh dikemaskini oleh pegawai JPA dan begitu juga maklumat pegawai AGC hanya boleh dikemaskini oleh pegawai AGC. Pengguna eKes hanya perlu klik pada *button* “Kemaskini” untuk mengemaskini maklumat pegawai. Sistem eKes akan mengambil maklumat berkenaan secara automatik daripada maklumat log masuk pengguna eKes.

The screenshot shows a web interface with a navigation bar at the top containing tabs: 'Maklumat Pelajar', 'Lejer Pelajar', 'iVFS', 'Rujukan', 'Kronologi Kes', and 'Kemaskini Status'. The 'Rujukan' tab is active. Below the navigation bar, there are three distinct sections for updating information:

- MAKLUMAT FAIL:** Contains two input fields: 'Tarikh Surat JPA:' with the value '03/05/2013' and 'No. Fail AGC:' with the value '-'. A 'Kemaskini' button is located to the right of these fields.
- PEGAWAI JPA BERTANGGUNGJAWAB:** Contains three input fields: 'Nama:', 'No. Telefon:', and 'Emel:'. A 'Kemaskini' button is located to the right of these fields.
- PEGAWAI AGC BERTANGGUNGJAWAB:** Contains three input fields: 'Nama:', 'No. Telefon:', and 'Emel:'. A 'Kemaskini' button is located to the right of these fields.

Rajah 12

13. Tab menu “Kronologi Kes” memaparkan sejarah kes seperti dan ID pegawai yang mengemaskini status kes seperti pada **Rajah 13**.

Tarikh Kemaskini	Status Kes & Ulasan	Pegawai
19/08/2004	Tarikh arahan fail dirujuk ke AGC Maklumat dijana dari Sistem SILA	-
26/11/2012	KES BARU PERMOHONAN STATUS KES DI AGC KL TELAH DIHANTAR PADA 26/11/2012	770921025802
26/11/2012	KES BARU KES TELAH DIRUJUK PADA 15/01/2010	770921025802

Rajah 13

14. Tab menu “Kemaskini Status” seperti pada **Rajah 14** membenarkan pengguna eKes mengemaskini status kes. Sebaik sahaja dikemaskini, emel pemakluman akan dihantar ke gantirugi@jpa.gov.my bagi kes tuntutan gantirugi biasiswa atau ke kutipan@jpa.gov.my bagi kes pinjaman.

Maklumat Pelajar	Lejer Pelajar	iVFS	Rujukan	Kronologi Kes	Kemaskini Status
<p>Jenis Kes: TUNTUTAN GANTIRUGI BIASISWA PERSEKUTUAN JPA Tarikh Surat JPA: 03/05/2013 No. Fail AGC: -</p> <p>Status Kes: --SILA PILIH-- Ulasan Kes: <input type="text"/></p> <p>Emel pemakluman akan dihantar ke gantirugi@jpa.gov.my</p> <p><input type="button" value="Kemaskini"/></p>					

Rajah 14

15. Untuk log keluar daripada eKes, klik “Buka Panel” pada pepenjuru kanan dan klik Log Keluar.



Penutup

Sekiranya terdapat sebarang cadangan atau maklumbalas berkenaan eKes, sila email kepada ictbmi@jpa.gov.my